



## SIARAN MEDIA

### JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

#### KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2020

**3 OKTOBER 2020 (SABTU)  
METRO CITY MATANG, KUCHING**

---

**3 OKTOBER 2020, KUCHING:** Kempen yang telah diadakan di Metro City Matang merupakan anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Syarikat GVE Strategic Waste Sdn. Bhd. sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020 dengan tema “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”.

Program pengumpulan buangan elektrikal dan elektronik (e-waste) ini adalah dibawah inisiatif Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan sasaran pengumpulan buangan e-waste di seluruh negara sebanyak 200MT bagi tahun 2020. Kempen tersebut akan diadakan di seluruh negara bermula 23 September hingga 21 Oktober 2020 dengan penetapan pengumpulan e-waste sebanyak 63,000kg seluruh negara.

Objektif program pengumpulan ini adalah untuk memupuk dan meningkatkan keprihatinan dan tanggungjawab orang awam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Selain itu program ini meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang awam mengenai sistem pengurusan e-waste di Malaysia serta memastikan pengurusan dan pengumpulan buangan peralatan elektrik dan elektronik (e-waste) dapat dilaksanakan dengan lebih Environmentally Sound Management (ESM).

Kempen ini bertujuan memastikan peralatan elektrikal dan elektronik terpakai dan tamat tempoh yang dikenali sebagai e-waste dikumpul serta diasingkan bagi memperoleh kembali bahan berfaedah/ sumber bernilai yang mampu menyumbang kepada pembangunan lestari dan pemeliharaan alam sekitar. Buangan e-waste yang tidak dikendalikan dengan baik boleh menyebabkan pencemaran yang serius kerana e-waste mengandungi beberapa bahan pencemar/ logam berat seperti plumbum, kadmium, berrillium dan 'brominated flame retardants'. Bahan-bahan berbahaya ini jika tidak dikendalikan dengan betul boleh meresap ke dalam tanah dan mencemarkan sumber air. Melalui kempen ini setiap buangan elektrikal dan elektronik akan ditukar dengan wang tunai.

Kempen tersebut turut disertai oleh pelbagai Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Sekolah, industri dan orang awam.

**-TAMAT-**

Disediakan Oleh:

Unit Pengawasan Dan Kesedaran Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak

Alamat: Level 7-9, Wisma STA, No. 26,

Jalan Datuk Abang Abdul Rahim,

93450 Kuching

Tel : 082-482535

Faks: 082-480863